

## BOTANI

Aweng A/L Eh Rak

# ERAI AWAL ELODAKAN UNGAI



**A**ktiviti pembersihan tanah sama ada untuk perindustrian, perumahan, pertanian, pembalakan, ataupun tujuan lain oleh manusia, mengakibatkan perubahan yang nyata terhadap tanah. Hakisan tanah berlaku lebih cepat disebabkan oleh gangguan atau perubahan kepada tumbuhan penutup bumi yang turut mengakibatkan perubahan struktur tanah. Apabila struktur tanah terganggu, maka arah tanah menjadi longgar dan senang dihakis oleh air larian permukaan.

Vegetasi memainkan peranan penting dalam mengawal hakisan melalui proses biologi, sama ada secara langsung, iaitu melalui peningkatan rintangan permukaan tanah terhadap hakisan ataupun secara tidak langsung, melalui pengurusan air larian permukaan yang betul dengan cara mempengaruhi larian, peningkatan penyusupan dan evapotranspirasi.

Kehilangan tanah melalui hakisan disebabkan oleh salah urus tanah. Faktor ini menjadi penyumbang terbesar kepada pemendapan sungai. Pemendapan sungai atau mana-mana badan air kerana hakisan mempunyai kesan yang signifikan terhadap habitat semula jadi organisma akuatik, pengurangan kapasiti simpanan air dan kehilangan biodiversiti. Walau bagaimanapun, pada masa ini, peralatan kawalan hakisan masih kurang dalam pasaran. Begitu juga dengan kaedah kawalan pemendapan sungai yang berkesan yang masih kurang. Jika pun ada, harga peralatan khas ini sangat mahal, pelaksanaan kaedah kawalannya menelan kos yang tinggi yang tidak mampu dibiayai oleh pemaju atau pengusaha kecil.

